



SAINTIS muda, Rabiatul Adawiyah Zayadi yang dianugerahkan Diploma Kehormat KANS 2018 di Tehran, Iran baru-baru ini.

Saintis muda Malaysia diiktiraf

EMPAT saintis dari Malaysia dianugerahkan Diploma Kehormat dalam bidang penyelidikan masing-masing pada majlis Pertandingan Saintifik Aplikasi Idea Pengetahuan Kemasyarakatan (KANS) yang berlangsung di Universiti Teknologi Amirkabir di Tehran, Iran baru-baru ini.

Mereka terdiri saintis muda, Rabiatul Adawiyah Zayadi yang merupakan pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) (Bidang Air dan Alam Sekitar) dan tiga pensyarah dari Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Abdul dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM (Bidang Ekonomi); Prof. Madya Dr. Wan Azlina Wan Ab. Karim Ghani dari Fakulti Kejuruteraan (Bidang Tenaga) dan Prof. Madya Dr. P. Sarva Mangala dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan



Universiti Tun Hussein-Onn Malaysia

(Bidang Air dan Alam Sekitar).

Menariknya Adawiyah antara peserta termuda yang menerima anugerah itu dalam bidang Air dan Alam Sekitar hasil daripada penjurian 1,045 peserta persidangan tersebut.

Penganjuran KANS 2018 itu merupakan anjuran Yayasan Sains dan Teknologi Mustafa (MSTF) diadakan bagi memberi peluang kepada lebih daripada 1,000 saintis muda dari negara-negara Islam untuk mengetengahkan idea mereka dalam bidang sains dan teknologi.

Selain itu KANS diadakan bertujuan untuk mencari resolusi saintifik bagi menyelesaikan masalah sosial dalam lima bidang sasaran iaitu Air dan Alam Sekitar, Kesihatan, Teknologi Maklumat, Ekonomi, serta Tenaga.

MSTF merupakan sebuah yayasan berpusat di Iran yang berfokus dalam mengiktiraf ahli-

ahli saintis dari negara-negara Islam khususnya negara-negara di bawah Persidangan Kerjasama Islam (OIC) yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan sains dan teknologi.

Sementara itu, Ketua Juri KANS, **Saeed Sohrabpour** berkata, sebanyak 154 video dalam bidang air dan alam sekitar, 152 kesihatan, 136 teknologi maklumat, 45 ekonomi serta 35 bidang tenaga telah dihantar oleh peserta yang mengambil bahagian.

Pertandingan ini dijalankan dalam dua kategori iaitu peringkat pelajar dan profesor di bawah 45 tahun, yang mana para peserta dikehendaki menghantar video berdurasi 3 hingga 5 minit berkenaan bidang saintifik mereka.

Antara kriteria penting yang dinilai dalam pertandingan ini ialah sejauh mana penyelidikan yang dijalankan itu mempunyai impak tinggi dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi manusia sejagat.